

---

# Sharmanee terima insentif

KULIM - Atlet pasukan karate wanita negara, S. Shree Sharmanee, 22, menerima sumbangan RM2,000 daripada Ahli Parlimen Kulim Bandar Baharu, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir atas kejayaannya merangkul dua pingat emas sempena Sukan SEA di Myanmar baru-baru ini.

Abdul Aziz berkata, sumbangan tersebut merupakan satu daripada pendekatan pihaknya untuk melahirkan atlet berkaliber dalam kalangan penduduk di kawasan Kulim.

"Saya kagum dengan kesungguhan dia sehingga mengharumkan nama Kulim dan juga negara amnya," katanya ketika mengunjungi atlet tersebut di sini baru-baru ini.

Shree Sharmanee, anak kelahiran Taman Kenari, di sini merupakan penuntut jurusan Komunikasi Massa, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Dalam temasya Sukan SEA XXVII di Nay Pyi Taw, Myanmar bulan lalu, dia menyumbang dua pingat emas kepada negara apabila memenangi acara karate bagi kategori bawah 68 kilogram dan berpasukan wanita.

Shree Sharmani berkata, dia menghargai sumbangan yang dibuat Ahli Parlimen Kulim Bandar Baharu dan berazam untuk meningkatkan lagi kecemerlangan pada masa akan datang.

---